



## **IKLAN BIASISWA KERAJAAN NEGERI SABAH TAHUN 2022**

Kerajaan Negeri Sabah mempelawa permohonan Biasiswa untuk mengikuti pengajian di peringkat Diploma, Sarjana Muda dan Sarjana. Syarat utama permohonan ialah pemohon dan ibu bapa hendaklah warganegara Malaysia yang bermastautin di Sabah; sama ada kedua-dua ibu bapa berasal dari Sabah, atau salah seorang daripada ibu bapa berasal dari Sabah.

### **(A) BIDANG DAN PERINGKAT PENGAJIAN**

#### **1. Diploma di Institusi Pengajian Tinggi (IPT)**

Aktuari Sains	Perikanan
Juru Ukur	Pertanian
Kejuruteraan	Sains Tulen
Kesihatan dan Perusahaan Ternak	Seni Bina (Architecture)
Maritim	Teknologi Maklumat
Pengurusan Hartanah	Ukur Bahan
Perakaunan	

#### **2. Ijazah Sarjana Muda di Institusi Pengajian Tinggi (IPT)**

Aktuari Sains	Pengurusan Hartanah
Ekonomi	Perakaunan
Farmasi	Pergigian
Kejuruteraan	Perhutanan
Kesihatan dan Perusahaan Ternak	Perikanan
Keusahawanan	Pertanian
Juru Ukur	Perubatan
Perindustrian	Perubatan Veterinar
Pelancongan dan Hospitaliti	Sains Alam Sekitar
Pendidikan - Matematik	Sains Komputer
- Pengajian Islam	Seni Bina (Architecture)

- Bahasa Inggeris	Seni Kreatif
- Bahasa Cina	Ukur Bahan
Pengajian Islam	Undang-Undang
Pengurusan Ladang	Perlombongan & Geologi
<i>Renewable Energy</i>	<i>Oil &amp; Gas</i>

### 3. Ijazah Sarjana di Institusi Pengajian Tinggi (IPT)

Bidang pengajian bagi memenuhi keperluan tenaga manusia di Sabah.

### 4. Pengajian ke Luar Negara

Penajaan terhad kepada pelajar yang telah mendapat tawaran daripada senarai 500 universiti terkemuka di dunia.

## B) KELAYAKAN PEMOHON

### 1. Had Umur

- 1.1 Bagi kursus (A) 1 pemohon hendaklah tidak melebihi 20 tahun.
- 1.2 Bagi kursus (A) 2 pemohon hendaklah tidak melebihi 25 tahun.
- 1.3 Bagi kursus (A) 3 pemohon hendaklah tidak melebihi 30 tahun.

### 2. Kelayakan Akademik

#### 2.1 Kursus Diploma

- 2.1.1 *Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)* dengan memperoleh sekurang-kurangnya **5A** dalam mata pelajaran termasuk **Bahasa Melayu** dan mata pelajaran yang berkaitan dengan bidang kursus yang dipohon. Lulus dengan **kepujian** dalam mata pelajaran **Bahasa Inggeris** untuk universiti yang menggunakan **Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Pengantar**.

#### 2.2 Kursus Sarjana Muda

- 2.2.1 *Lulus Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM)* dengan memperoleh sekurang-kurangnya **PNGK/CGPA 3.5**. Kelayakan ini haruslah diperolehi dengan hanya sekali menduduki peperiksaan atau kelayakan yang setaraf.
- 2.2.2 *Lulus Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM)* dengan memperoleh sekurang-kurangnya **Jayyid**.
- 2.2.3 *Lulus Diploma* dengan memperoleh sekurang-kurangnya **PNGK/CGPA 3.5**.
- 2.2.4 *Lulus Matrikulasi* dengan memperoleh sekurang-kurangnya **PNGK/CGPA 3.5**.
- 2.2.5 *Lulus Asasi/Foundation* dengan memperoleh sekurang-kurangnya **PNGK/CGPA 3.5**.

### **2.3 Kursus Sarjana**

- 2.3.1 *Lulus Sarjana Muda* dengan memperoleh sekurang-kurangnya **PNGK/CGPA 3.5**.
- 2.3.2 Keutamaan diberikan kepada ***pelajar tajaan BKNS*** untuk melanjutkan pengajian ke peringkat Sarjana.
- 2.3.3 Pelajar peringkat Sarjana hendaklah lepasan pengajian Sarjana Muda yang belum memperoleh pekerjaan dan mod pengajian adalah sepenuh masa.

### **2.4 Perubatan, Pergigian dan Farmasi**

- 2.4.1 Kursus ***Perubatan, Pergigian*** dan ***Farmasi*** perlu memperolehi sekurang-kurangnya **PNGK/CGPA 3.8** di peringkat ***STPM/Diploma/Matrikulasi***.

- 2.5 Pemohon yang sedang belajar di ***Institusi Pengajian Tinggi (IPT)*** perlu memperoleh sekurang-kurangnya **PNGK/CGPA 3.5 keputusan semasa** untuk meneruskan pengajian peringkat Diploma, Sarjana Muda dan Sarjana.

## **(C) CARA MEMOHON**

1. Permohonan hendaklah melalui sistem ‘**online**’ dengan melayari laman sesawang [www.biasiswa.sabah.gov.my](http://www.biasiswa.sabah.gov.my) mulai **21 Jun 2022**. Pemohon perlu mendaftar **e-mel peribadi** yang aktif.

## **(D) PERHATIAN**

1. Permohonan yang **tidak lengkap** atau tidak memenuhi syarat seperti yang ditetapkan ***TIDAK akan dipertimbangkan***.
2. Keputusan permohonan disemak melalui ‘**online**’.
3. Kursus Matrikulasi/Asasi/Foundation tidak ditaja.
4. Tarikh tutup permohonan adalah pada **21 Julai 2022**. Permohonan **selepas tarikh tersebut TIDAK akan dipertimbangkan**.

Bahagian Biasiswa Negeri  
Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri